

02/03/2003

Kenaikan harga minyak tidak dapat dielak

LANGKAWI: Kenaikan harga minyak tidak dapat dielakkan kerana kerajaan tidak mampu menanggung subsidi berikutan penggunaan yang terus meningkat,

kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, peningkatan penggunaan di kalangan pengguna tempatan menyebabkan bekalan minyak untuk dijual kian berkurangan dan pada masa sama, kerajaan perlu menanggung subsidi yang meningkat.

"Kita mengeluarkan 650,000 tong sehari dan dulu jumlah penggunaan tempatan cuma 350,000 tong sehari manakala selebihnya untuk dijual.

"Kini, jumlah penggunaan adalah 550,000 tong sehari manakala pengeluaran

masih kekal pada 650,000 tong sehari.

"Ini bererti kita cuma ada 100,000 untuk dijual dan pada masa sama memberikan subsidi kepada 550,000 tong sehari.

"Dengan bekalan untuk dijual berkurangan, hasil jualan tetap tidak mencukupi walaupun dijual dengan harga yang tinggi.

"Jadi, kita tidak boleh membenarkan ini berlaku kerana ia boleh menjejaskan ekonomi," katanya selepas merasmikan Langkawi Lagoon Resort, di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kesan kenaikan dua sen bagi harga petrol, LPG dan diesel di negara ini mulai semalam, berikutan kenaikan harga minyak di seluruh dunia.

Dr Mahathir berkata, semua pengguna di dunia akan merasai kesan kenaikan

harga minyak khususnya industri pengangkutan.

"Tidak dinafikan semua syarikat penerbangan akan merasai kesan kenaikan

itu tetapi bagi Mas, faktor ini bukan penyebab untuk mengurangkan saingan

dalam pasaran," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri yakin pertumbuhan ekonomi Malaysia berada

pada sekitar empat peratus tahun ini, tertakluk kepada keadaan dunia.

"Kalau jadi peperangan, ia akan memberi kesan kepada negara dan mungkin

tak tercapai empat peratus.

"Tapi, jika tak ada peperangan, dengan program yang telah kita lancarkan, saya yakin kita boleh capai (pertumbuhan) sebanyak empat peratus," katanya.

Katanya, negara tidak mahu terus bergantung kepada Pelaburan Terus Asing

(FDI) kerana yakin pelaburan tempatan turut dapat membantu mengembangkan ekonomi seperti yang dilakukan Jepun dan Korea Selatan.

"Kita tahu (ekonomi) Jepun dan Korea tumbuh bukan kerana FDI. Banyak yang berpendapat kalau tidak ada FDI maka tak mungkin (ekonomi) kita tumbuh... itu tak benar.

"Dari dalam kita boleh rangsang (ekonomi) kerana kita ada kapasiti. Untuk itu, kita akan tolong pengusaha dan pelabur mengadakan projek

supaya
sumbangan dari dalam negara lebih penting daripada sumbangan luar
negara,"
katanya.